NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30 5 / 2010

Resolusi
Kongres Ekonomi Bumiputera: Model Baru Ekonomi (MBE)

(Bahagian pertama)

UM - 30/05/2010

Majlis Perundingan Melayu (MPM)

Tema : Memperkasakan Ekonomi Bumiputera

PERISYTIHARAN 15 JAMADIL AKHIR1431 / 29 HB MEI 2010

BAHAWASANYA, Kongres Ekonomi Bumiputera: MBE yang berlangsung di Kuala Lumpur, pada – 15 Jamadil Akhir 1431 / 29 Mei 2010 yang dianjurkan **Majlis Perundingan Melayu (MPM)** dengan disertai lebih 1000 orang perwakilan dari 110 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) peringkat kebangsaan, para akademik, ahli politik dan peminpin masyarakat seluruh negara dengan ini telah bermuafakat untuk menyatakan pendirian bersama seperti berikut:

Kongres Ekonomi Bumiputera: MBE mengalu-alukan Model Baru Ekonomi (MBE) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak untuk mengubah ekonomi negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang mampan dan inklusif serta menempatkan negara pada landasan betul untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Walaubagaimanapun Kongres mendapati para pengubal MBE yang terdiri pakar luar dan dalam negara telah membuat andaian yang idealistik dan sangat berpegang kepada **falsafah pasaran bebas.** Berikut adalah perkara-perkara yang menyebabkan MBE menjadi satu model ekonomi yang tidak sempurna dan perlu dikaji semula oleh pihak kerajaan:

1. **Para penggubal MBE di dalam mempromosi konsep pasaran bebas di dalam MBE telah menafikan wujudnya elemen market failure atau kegagalan pasaran** yang berasaskan eksploitasi dan monopoli oleh kaum Cina di negara ini.
MBE ingin dijadikan medan 'free-for-all', medan eksploitasi, monopoli ekonomi dan medan persaingan yang tidak adil antara kaum sehingga boleh menimbulkan perpecahan antara kaum dalam bidang pembangunan ekonomi.
Prof. Amy Chua dari Yale Law School menulis dalam bukunya bertajuk "World On Fire" mendapati **market-dominant minority** (di kalangan orang Cina) di Asia Tanggara telah mengakibatkan peristiwa ngeri, rusuhan kaum dan berlaku ketidakstabilan di beberapa buah negara . Berikut adalah petikan tulisan Prof. Amy Chua dari buku "World On fire" itu;
"When free market democracy is pursued in the presence of a market-dominant minority, the almost invariable result is backlash. This backlash typically takes one of three forms. The first is a backlash against markets, targeting the market-dominant minority's wealth. The second is a backlash against democracy by forces favorable to the market-dominant minority. The third is violence, sometimes genocidal, directed against the market-dominant minority itself."[1]

2. **Para penggubal MBE mencadangkan agar semua sektor diliberalisasikan sepenuhnya tanpa mengambil kira kepentingan Bumiputera dan negara.**
Cadangan ini perlu ditolak kerana Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang cukup percaya dengan pasaran bebas kini sedang mengkaji semula dasar liberalisasi dan pasaran bebas kerana ianya telah menyebabkan negara tersebut mengalami kemelesetan ekonomi.

3. **Para penggubal dasar MBE telah menyalahkan polisi membantu kaum (DEB) sabagai salah satu punca ekonomi tidak boleh berkembang dan tidak ada daya saing.**
Lalu dihinanya Bumiputera sebagai "rent seekers" dan mendapat faedah amalan patronnage sedangkan majoriti usahawan Bumiputera bukannya rent seeker dan tidak mendapat manafaat daripada naungan politik (perkataan 'rent seekers' dan 'patronnage' ini disebut dengan jelas dalam dukumen MBE).
Lantaran itu para penggubal dasar MBE mencadangkan semua jenis kouta dihapuskan kepada Bumiputera dan mereka harus bersaing di dalam pasaran terbuka yang 'mesra pasaran'. Oleh kerana **para penggubal** tersebut beranggapan bahawa DEB sebagai salah satu punca ekonomi tidak boleh berkembang dan tidak ada daya saing maka mereka tidak memberi penekanan kepada agenda Bumiputera di dalam MBE.
Malah menyedihkan lagi, para penggubal MBE berkenaan mencadangkan agar badan-badan berkanun dan GLC / GILC mengurangkan penglibatannya dalam perniagaan bagi memberi peluang lebih banyak kepada swasta. Jika ini berlaku maka tertutuplah peluang usahawan Bumiputera mengembangkan usaha niaganya yang selama ini terlibat dalam sistem vendor, francais, mentor menti dan sebagainya.

4. **Para penggubal dasar MBE tidak mengambilkira kepentingan kaum sebagai elemen penting di dalam MBE.**
Di negara ini apa jua perkiraan dan keputusan semada dari segi politik, ekonomi, pendidikan dan juga social kepentingan kaum mesti diambil kira. Sebagai contoh di dalam kes Sekolah Kebangsaan Cina, kerajaan terpaksa memberi bantuan kewangan berbilion ringgit walaupun ianya bukan di dalam sistem pendidikan nasional. Ini menunjukkan bahawa faktor kaum merupakan faktor yang tidak boleh abaikan di dalam negara yang berbilang kaum.

5. **Para penggubal dasar MBE tidak mengambilkira keadilan sosial dan keharmonian antara kaum di dalam mengubal MBE.**
Keadilan sosial harus berpandukan kepada "sosial contract" seperti mana yang terdapat di dalam perlembagaan negara. Kalau kita mengkaji **Suruhanjaya Reid, ia mengatakan kalau kita mengambil hak Bumiputera secara tidak terancang ia boleh meruntuhkan pembinaan bangsa dan negara.**
Atas sebab itu KONGRES ini tidak bersetuju jika ada pihak mengatakan bahawa Perkara 153 memberi kelebihan melampau kepada orang Melayu dan Bumiputera. Ini kerana sistem tersebut mesti bergerak seiring dengan hak-hak munasabah terhadap bangsa lain.
Suruhanjaya Reid merujuk salah satu terma Perlembagaan ialah menjaga kedudukan Melayu dan Islam serta menjaga hak-hak munasabah terhadap bangsa lain, jadi apabila kita menjaga kepentingan Melayu dan Bumiputera ini tidak bermakna kita mengabaikan bangsa lain.
Untuk membina sebuah negara yang aman dan damai serta mewujudkan kestabilan politik kita memerlukan kesaksamaan dan keadilan (bukannya sama rata). Keadaan ekonomi yang berat sebelah serta usaha mencabar persetujuan perlembagaan yang sah ini telah mengakibatkan peristiwa ketidakstabilan negara seperti yang terlihat dalam peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

6. Para pengubal dasar MBE juga mecadangkan agar **Suruhanjaya Kesaksamaan Peluang (Equal Opportunity Commission) (EOC)** ditubuhkan bagi memastikan tidak wujudnya diskriminasi dan ketidakadilan di negara ini.
Nama EOC itu sendiri membawa maksub bahawa semua rakyat mempunyai peluang yang sama di negara ini dan ini **sangat bertentangan dengan Perkara 153 Perlembagaan Negara.**
Kongres bimbang EOC akan diekploitasikan oleh kaum bukan Bumiputera semaksima mungkin untuk menuntut kononnya hak dan keadilan bagi menjawat jawatan di sektor awam, kemasukan ke IPTA, biasiswa, permit dan lesen dan lain-lain lagi sehingga dengan kuasa desakan EOC itu maka kerajaan terpaksa tunduk kepada mereka dan Bumiputera terpaksa mengorbankan hak mereka sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam perlembagaan itu.

7. Para penggubal dasar MBE hanya memberi perhatian kepada proses dan tidak pula menjamin output serta outcome yang hendak dicapai.
Kongres meragui pencapaian pendapatan tinggi dari segi GDP Per Kapita boleh menjamin mencapai tahap negara maju mengikut acuan Wawasan 2020 yang **berteraskan masyarakat majmuk di negara ini.**
Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa **MBE ini bukanlah satu model yang sempurna dan kejayaan matlamat model ini boleh dipertikai dan didebatkan lagi bagi membolehkan Kongres mencadangkan input-input baru.**
Kongres kecewa kerana MBE yang dikemukakan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) **telah gagal membentangkan kenyataan polisi yang jelas mengenai agenda pembangunan Ekonomi Bumiputera di dalam MBE. MPEN didapati gagal meletakkan agenda pembangunan Ekonomi Bumiputera sebagai agenda teras negara** walaupun Bumiputera adalah merupakan penduduk terbesar dan terbelakang dari segi ekonomi di negara ini.
Kongres **berpendapat bahawa agenda Bumiputera di dalam MBE tidak boleh dibiar kabur atas alasan apa sekalipun. Ia perlu jelas supaya para perlaksana dasar dan dan kumpulan sasar (Bumiputera) lebih fokus dan terarah. Agenda Bumiputera adalah usaha bagi menentukan supaya Bumiputera di Malaysia maju seiring dengan kaum-kaum lain, dengan cara ini keadilan sosial dan keharmonian kaum akan tercapai selaras dengan matlamat DEB.**
Kongres mahu melihat potensi dasar dan program baru di bawah MBE membuka jalan baru dan peluang kedua yang dinamik untuk mereka kejar kemajuan yang telah dimusnahkan di bawah cara pelaksanaan program yang kurang cekap dan berkesan sebelum ini.
Kongres berpendapat sepatutnya di bawah DEB dan DPN, kerajaan telah berjaya memajukan Negara namum hakikatnya masih belum mencapai kejayaan sepenuhnya.
Maka pada kali ini adalah perlu dinyatakan dengan jelas melalui **MBE** bahawa Bumiputera perlu dimajukan dalam program yang terbuka, tersurat dan tidak tersirat kerana kaum Bumiputera tidak mahu terjerat oleh perkara-perkara yang tersirat.
Kongres mendesak agar polisi agenda pembangunan Ekonomi Bumiputera dinyatakan dengan **jelas dan telus** supaya semua rakyat faham dan yang lebih penting **pelaksana-pelaksana** dasar kerajaan mempunyai arah tuju yang jelas di dalam melaksanakan agenda pembangunan Ekonomi Bumiputera.
Sehubungan dengan itu Kongres ingin **menzahirkan sokongan bersyarat (conditional support) terhadap MBE kerana;**

(a).Misi mencapai GDP Per kapita yang tinggi adalah baik untuk negara tetapi belum tentunya turut dapat dinikmati oleh rakyat jelata, khususnya Bumiputera dan

(b).Strategi serta kaedah / proses yang disyorkannya masih kabur dan tak jelas serta dibimbangi boleh merugikan Bumiputera.
Maka Kongres Ekonomi Bumiputera: MBE anjuran Majlis Perundingan Melayu (MPM) dengan penyertaan lebih 1000 orang perwakilan dari 110 buah pertubuhan bukan kerajaan peringkat Kebangsaan serta para akademik, ahli politik dan pemimpin masyarakat dengan ini telah bermuafakat untuk menzahirkan pendirian bahawa penerimaan MBE ini oleh **Kongres tertakluk kepada kesediaan kerajaan untuk;**

1.MENJADIKAN PERKARA 153 PERLEMBAGAAN MALAYSIA DAN DEB SEBAGAI SUMBER INDUK KEPADA PENGGUBALAN MBE

Kongres mengesa kerajaan agar mempertahan dan melaksanakan semangat Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dalam semua pendekatan dan polisi kerajaan dalam pembangunan ekonomi negara.

Pihak kerajaan **WAJIB** menjadikan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia sumber induk kepada penggubalan dan pelaksanaan seluruh dasar, strategi dan program MBE. Kegagalan kerajaan berbuat demikian akan memberi implikasi negatif kepada keharmonian antara kaum di negara ini di dalam jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang.

2.KEADILAN SOSIAL DAN PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA MENGIKUT NISBAH PENDUDUK BERDASARKAN KAUM (67% BUMIPUTERA DAN 33% BUKAN BUMIPUTERA)

Piagam pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dibawah kategori sosio ekonomi jelas menyebut bahawa sekiranya di dalam sesebuah negara masih wujud kumpulan majoriti yang ketinggalan maka kepentingan mereka mestilah dijadikan sebagai agenda nasional bagi pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara.

Hakikatnya, hampir 60% daripada 67% kaum Bumiputera rakyat jati Malaysia itu mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM 1,500 sebulan (berada di paras miskin).

Sehubungan dengan itu Kongres mengesa kerajaan memastikan keadilan sosial dan ekonomi di negara ini terlaksana dengan mengagihkan kekayaan negara mengikut komposisi penduduk berdasarkan kaum di negara ini iaitu 67% daripada kekayaan negara WAJIB diagihkan kepada Bumiputera manakala baki 33% kepada bukan Bumiputera.

Gesaan Kongres ini adalah bertepatan dengan cita-cita dan semangat Satu Malaysia (1Malaysia) yang mahukan rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan. Tiada gunanya cita-cita dan semangat itu hanya dijadikan slogan tanpa dipraktikkan dengan adil dan saksama.

3.MENERUSKAN AGENDA PERTUMBUHAN DAN AGIHAN (ECONOMIC GROWTH WITH DISTRIBUTION)

Pendekatan pertumbuhan dan agihan (economic growth with distribution) yang terbukti berjaya sepanjang pelaksanaan DEB hendaklah diteruskan.

MBE mesti mempunyai rancangan yang kukuh untuk meneruskan agenda pertumbuhan dan agihan (economic growth with distribution) walaupun Negara berdepan dengan kehendak dan keperluan menangani proses globalisasi dan liberalisasi.

4. DASAR EKONOMI DI DALAM MBE UNTUK ORANG BUMIPUTERA PERLU DISASARKAN KEPADA PENINGKATAN PENYERTAAN, PEMILIKAN DAN PENGUASAAN KEKAYAAN DALAM PELBAGAI SEKTOR STRATEGIK.

Kongres dengan penuh kekesalan terpaksa menerima hakikat bahawa kerajaan telah gagal membantu Bumiputera dari segi penyertaan, pemilikan dan penguasaan di dalam berbagai sektor stratejik dan ini telah menyebabkan;

i. Pencapaian sasaran pemilikan ekuiti yang rendah.
ii. Pemilikan hartanah bumiputera di kawasan strategik masih rendah.
iii. Keupayaan untuk mengekalkan pegangan syer di kalangan individu bumiputera yang masih rendah.

Sehubungan dengan itu MBE mesti mengamalkan dasar **3P** iaitu **Penyertaan, Pemilikan Dan Penguasaan** dalam bidang-bidang yang mampu melonjakkan penguasaan Bumiputera mengikut sektor ekonomi.

Ini bermakna dasar ekonomi di dalam MBE untuk Bumiputera perlu disasarkan kepada peningkatan penyertaan, pemilikan dan **penguasaan KEKAYAAN (meliputi pendapatan (income), sewaan, premis, hartanah, harta intelek, kontrak, konsessi, permit dan lain-lain)** dalam pelbagai sektor strategik.

SASARAN baru yang dicadangkan oleh Kongres adalah pada kadar maksima 67% dan minima 30%.

5. DASAR EKONOMI AFIRMATIF DAN DISTRIBUTIF UNTUK MEMASTIKAN PENYERTAAN ORANG BUMIPUTERA DALAM PELBAGAI SEKTOR EKONOMI TERUS DIPERTAHANKAN

Kongres mengalu-alukan kenyataan YAB. Perdana Menteri Dato' Seri Najib bahawa beliau menyokong DEB dan menganggap objektif DEB masih relevan dan MBE akan mempunyai elemen tindakan afirmatif dari Dasar Ekonomi Baru, tetapi ianya akan disesuaikan / diperbaharui dan dilaksana berdasarkan 4 prinsip berikut;

i. Mesti mesra pasaran.
ii. Mesti berdasarkan merit.
iii. Mesti telus.
iv. Mesti berdasarkan keperluan (needs based).

Walaubagaimanapun Kongres ingin menambah satu lagi prinsip iaitu **'Mesti berdasarkan kaum'**. Asas kepada prinsip ke 5 ini ialah kerana Negara ini tidak dapat lari dari pendekatan berasaskan kaum seperti mana terdapat di dalam perlembagaan Negara.

Kongres berharap pendekatan perlaksanaan 5 prinsip diatas hendaklah dilaksana dengan mekanisma yang betul bagi memastikan ianya mencapai kejayaan. Jika pendekatan mesra pasaran dan meritrokrasi tidak di beri definasi yang jelas maka ianya akan menimbulkan ketidakpuasan dan protes di kalangan Bumiputera khususnya Masyarakat Perindustrian Dan Perdagangan Bumiputera (MPPB).

Sehubungan dengan itu Kongres mengesa kerajaan meneruskan dasar-dasar DEB di dalam MBE dengan strategi dan program yang lebih berkesan. Ini adalah kerana DEB yang telah terbukti berjaya membawa kemakmuran dan keamanan kepada negara ini.

6. SEKTOR SWASTA SEBAGAI PEMACU EKONOMI DI BAWAH MBE MASIH MEMERLUKAN "INTERVENTION" KERAJAAN

Diakui dan disedari bahawa sektor swasta adalah pemacu utama ekonomi negara. Namun, untuk memastikan keadilan distributif (distributive justice) dinikmati oleh semua rakyat, khususnya Bumiputera, maka MBE hendaklah mempastikan:

i. Kerajaan terus melaksanakan dasar intervensi yang strategik untuk membantu Bumiputera menyertai aktiviti ekonomi negara dengan lebih berkesan lagi.
ii. Kerajaan mewujudkan 'padang permainan yang rata' untuk membolehkan Bumiputera bersaing secara adil,
iii. Kerajaan membetulkan market imperfection and market distortion.
iv. Kerajaan memecah / merobohkan monopoli dan kartel.
v. Kerjaan **mendapatkan aku janji dari pihak swasta** untuk:
   a). Menghapuskan diskriminasi terhadap Bumiputera.
   b). Menyusun semula gunatenaga dan kekayaan.
   c). Mewujudkan 'padang permainan yang rata'.

Bersambung esok